

19 JUN 1996

Umno-Derma

UMNO LARANG BAHAGIAN DAN CAWANGAN KUTIP DERMA

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Jawatankuasa Pengurusan Umno hari ini melarang semua bahagian, cawangan atau anggota parti daripada mengutip dan menerima derma untuk apa jua bentuk kegiatan parti, dengan serta merta.

Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat berkata jawatankuasa itu yang dipengerusikan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim membuat keputusan itu bagi mengelakkan pihak-pihak itu menggunakan parti untuk mencari wang, pengaruh dan undi.

Keputusan itu dibuat ekoran jawatankuasa itu menerima beberapa aduan daripada kalangan peniaga yang menimbulkan tuduhan tidak baik terhadap parti berhubung penyalahgunaan wang derma itu.

"Hanya ibu pejabat parti dan badan perhubungan negeri boleh menerima derma dan mereka kemudian menyalurkannya kepada bahagian dan cawangan," katanya kepada pemberita sebelum melancarkan majalah "TV Review" di sebuah hotel di sini.

Beliau berkata Umno akan meneliti perkembangan berhubung pengutipan derma yang telah berjalan setakat ini.

Mohamed berkata Umno akan mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang mengingkari larangan itu.

Beliau berkata jawatankuasa itu juga memutuskan untuk meminda tarikh mesyuarat perwakilan bahagian dari 14 hingga 31 Julai kepada 12 hingga 31 Julai, berikutan permintaan sesetengah bahagian supaya tarikh itu dipercepatkan.

Mohamed berkata Jawatankuasa Disiplin yang juga dipengerusikan oleh Anwar, telah memutuskan bahawa seseorang yang dipecat keanggotaannya, boleh memohon keanggotaan setelah tiga tahun dipecat.

Bagaimanapun, ia tertakluk kepada Umno sama ada untuk menerima atau tidak permohonan baru itu, katanya. Sebelum ini, seseorang yang dipecat tidak boleh memohon keanggotaannya semula.

Mengenai kontroversi artis M. Nasir yang karyanya diharam disiarkan di televisyen dan radio ekoran dakwaan menghina Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Mohamed yang juga Menteri Penerangan berkata beliau telah meminta Ketua Setiausaha kementerian Datuk Zawawi Mahyuddin untuk mendapatkan keterangan daripada artis itu.

-- BERNAMA

JM AKD